**NIBM**

NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden. Konsortium ini terdiri daripada tiga institut iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan berikut:

| Bil. | Jawatan | Kelayakan |
|---|---|---|
| 1. | Pengarah Penyelidikan (Bioinformatik dan Biologi Pengkomputeran) *(Bioinformatics and Computational Biology*)<br>Institut Genom Malaysia (MGI), Bangi<br><br>Tawaran Jawatan – Kontrak<br>Pakej gaji yang menarik<br>Elaun Kereta & Petrol juga diberikan. | Deskripsi Tugas:<br>1. Menjana penyelidikan baru selaras dengan dasar dan fungsi institut yang telah ditetapkan;<br>2. Mengurus permohonan geran penyelidikan;<br>3. Menyelia kakitangan dan pelajar industri;<br>4. Menjalankan penyelidikan dalam bidang Biologi Pengkomputeran yang bertahap maju dan cemerlang di peringkat antarabangsa; dan<br>5. Menginovasi hasil penyelidikan bioteknologi untuk dikomersilkan.<br>6. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.<br><br>Kelayakan dan pengalaman:<br>1. Warganegara Malaysia;<br>2. Mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Bioteknologi, Bioinformatik, Biologi Pengkomputeran, Genomik, Biofizik atau yang berkaitan; |

| | | |
|---|---|---|
| | | 3. Mempunyai pengalaman secara langsung dan berterusan dalam bidang penyelidikan sekurang-kurangnya 8 tahun;<br>4. Pernah mengetuai projek R&D berkaitan bidang di atas dan mendapat geran penyelidikan dari sektor awam atau swasta;<br>5. Pernah menjadi ahli jawatankuasa panel sama ada di peringkat Jabatan, Fakulti, Universiti atau Kementerian seperti MESTECC, MOHE dan yang setaraf;<br>6. Pernah menerbitkan artikel dalam jurnal saintifik (*high-impact*) atau buku merupakan satu kelebihan;<br>7. Berpengalaman sebagai ketua unit atau jabatan dalam organisasi;<br>8. Berpengalaman bekerja dalam industri ICT atau bioteknologi merupakan satu kelebihan; dan<br>9. Mempunyai pengetahuan di dalam bioinformatik dan analisis ‘big data’ adalah satu kelebihan. |

Calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi serta salinan sijil-sijil berkaitan kepada:


**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,**
**NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**
Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),
d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.
Tel : 03-8949 5687
Emel :recruitment@nibm.my


Hanya calon-calon yang disenaraipendek sahaja akan dihubungi.

Tarikh tutup permohonan**: 24 Jun 2019**